

Dr Mahathir pertikai cara Najib henti bayar waris kumpulan Sulu

BH- 25/7/2022 m/s: 4

Bekas PM sepatutnya buat kajian terperinci batal perjanjian elak timbul isu tuntutan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad mempersoalkan keabsahan keputusan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, menghentikan bayaran penyerahan wilayah RM5,300 setiap tahun kepada waris kumpulan Sulu pada 2013, walaupun menyokong tindakan itu.

Pemberhentian bayaran itu dibuat susulan insiden serangan di Lahad Datu, Sabah.

Dr Mahathir berkata, tindakan Najib itu juga dibuat tanpa kajian terperinci dan tidak dapat dipastikan sama ada ia mengikut lunas undang-undang serta memenuhi kehendak proses pembatalan perjanjian lama, terutama bagi mengelak pertikaian berbangkit selepasnya.

Bekas Perdana Menteri berkata, keputusan Najib itu menyebabkan pihak mendakwa waris kumpulan Sulu terus membuat tuntutan ke atas Sabah di mahkamah timbang tara antarabangsa hingga kini.

“Saya dengar pada masa itu, Najib buat kenyataan dia tidak akan bayar (bayaran penyerahan wilayah). Pada masa itu, saya cuma sokong dia saja. Dia yang buat keputusan.

“Tapi, saya diberitahu keputusan itu tidak dirujuk kepada Kabinet dan Dewan Rakyat (pada 2013) dan dia (seolah-oleh) buat keputusan sendiri,” katanya ditemui selepas hadir menjadi panel pada program Wacana Hala Tuju Sistem Pendidikan dan Pembelajaran Dalam Talian anjuran PTTI, di sini, semalam.

Pastikan pihak serang Sabah

Bekas Perdana Menteri itu berkata, kerajaan pimpinan Najib ketika itu seharusnya mengkaji terlebih dulu keputusan menghentikan bayaran itu, termasuk mengesahkan pihak yang menyerang Sabah ketika itu memang kumpulan Sulu.

“Kita yang berjanji untuk bayar setiap tahun jumlah ini, jadi bila kita janji, kita kena tunaikan janji walaupun atas sebab serangan. Tetapi, kita juga tak tahu serangan itu oleh keturunan Sulu atau orang lain.

“Jadi, kita kena kaji dulu dan lepas itu, sahkan yang menyerang itu adalah kumpulan Sulu. Barulah kita boleh berhenti (bayar). Tapi, ini tidak ada kajian, terus henti (bayar) saja.

“Itu yang menyebabkan masalah kita hadapi sekarang. Sebelum ini, tidak ada masalah. Tiap-tiap tahun kita bayar. Bila berhenti, maka mereka bawa kes ke mahkamah Sepanyol, tapi

kita tidak iktiraf mahkamah di Sepanyol,” katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam membuat hukuman ke atas sesuatu tuntutan, kedua-dua sepatutnya diberi peluang menyuarakan pendapat untuk menyempitkan kedudukan.

“Tapi, ini dibuat keputusan sebelah saja. Kita tak pernah bagi kuasa kepada mahkamah Sepanyol,” katanya.

Mengambil contoh isu Pulau Batu Putih, Dr Mahathir berkata, Malaysia bersetuju dengan pihak yang menuntut supaya isu tuntutan berkenaan dirujuk ke mahkamah.

Isu tuntutan pihak yang mendakwa waris kumpulan Sulu terus hangat diperkatakan susulan laporan media berhubung aset dua anak syarikat PETRONAS di Azerbaijan dirampas oleh waris Kesultanan Sulu.

Kumpulan itu menuntut AS\$14.92 bilion (RM62.59 bilion) daripada Malaysia, selepas mereka diberi Final Award melalui penyerahan notis yang dikeluarkan oleh Mahkamah Luxembourg.

Susulan itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, menjelaskan Mahkamah Rayuan Paris sudah membenarkan permohonan kerajaan Malaysia untuk menggantung penguatkuasaan Final Award, yang dikeluarkan Mahkamah Arbitrasi Paris, dengan alasan perundangan kes itu menjejaskan kekebalan kedaulatan Malaysia.